



16 November 2016  
16 November 2016  
P.U. (B) 471

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU 2017 BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

*NOTICE OF NEW VALUATION LIST 2017 FOR  
THE FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU 2017  
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

AMBIL PERHATIAN bahawa menurut seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Perbadanan Putrajaya telah menyediakan suatu Senarai Nilaian baharu bagi tahun 2017 bagi semua pegangan berkadar dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya dan salinan Senarai Nilaian itu boleh diperiksa di Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan, Tingkat 3, Blok D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya pada mana-mana hari bekerja antara waktu 9.00 pagi hingga 4.00 petang mulai 18 November 2016 oleh mana-mana orang yang mengaku pemunya atau penduduk sesuatu pegangan dalam Senarai Nilaian itu atau sebagai ejen mana-mana orang itu dan cabutan daripada Senarai Nilaian itu boleh dibuat tanpa apa-apa bayaran.

2. Seseorang yang terkilan dengan Senarai Nilaian tersebut atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilaian itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,